

KEM MATEMATIK PERDANA 2015

Penulis: Arif Mandangan

Pada 18-20 September 2015, Kem Matematik Perdana 2015 telah diadakan di Fakulti Pertanian Lestari, Universiti Malaysia Sabah Kampus Sandakan. Bertemakan "Matematik Pencetus Minda Kritis", kem kali ini disertai oleh 247 orang pelajar-pelajar tingkatan 4 dari sekolah-sekolah menengah terpilih di Daerah Sandakan Sabah. Kem ini turut mendapat kerjasama erat dari beberapa rakan kerjasama strategik, antaranya Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sabah (KBSS), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Sandakan, Angkatan Belia Islam Sabah (ABIM) dan Jabatan Belia dan Sukan (P) Negeri Sabah (JBS). Objektif utama yang ingin dicapai melalui penganjuran Kem Matematik Perdana adalah untuk mencetuskan minat serta kesungguhan para peserta dalam mempelajari ilmu Matematik di samping mengubah persepsi negatif para peserta terhadap ilmu Matematik yang selama ini diganggap sebagai subjek sukar di sekolah. Untuk itu, pelbagai aktiviti menarik yang berbentuk aplikasi ilmu Matematik dalam kehidupan seharian menjadi pengisian kem tersebut. Majlis Penutupan Kem Matematik Perdana 2015 telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Haji Tawfiq Datuk Haji Abu Bakar Titingan, Menteri Belia dan Sukan Negeri Sabah. YBhg. Datuk Tawfiq amat berpuas hati dengan penganjuran Kem Matematik Perdana 2015 dan telah mengumumkan persetujuan pihak Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sabah bagi mengangkat Kem Matematik Perdana sebagai aktiviti tahunan UMS dan kementerian berkenaan. Secara keseluruhannya, Kem Matematik Perdana 2015 telah berjaya mengangkat imej UMS selaku peneraju pendidikan tinggi di Negeri Sabah kerana khidmat kemasyarakatan seperti ini mendapat maklum balas yang sangat positif bukan sahaja dari ibu bapa para peserta, bahkan masyarakat setempat yang turut terkesan dengan penganjuran kem ini.

